



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date      | 20/12/2018      |

Permohonan pemimpin UMNO sertai Bersatu

# Peringatan Tun M

Um - 20/12/2018 m/s: 2

■ PUTRAJAYA 19 DIS.

**T**INDAKAN ingin menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) bukanlah sesuatu yang mudah buat bekas anggota UMNO terutamanya ahli Parlimen dan pemimpinnya.

Hal ini kerana menurut Pengerusi Bersatu, Tun Dr. Mahathir Mohamad, permohonan mereka akan diteliti dan tingkah laku pemimpin terlibat diperhatikan untuk memastikan sama ada mereka layak menyertai parti itu.

Katanya, parti itu hanya mengalu-alukan mereka yang bebas daripada sebarang salah laku atau mereka yang bukan penyokong kuat bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Kami hanya menerima pemimpin yang tidak terlibat dan menunjukkan sokongan yang kuat kepada Najib. Ada antara mereka yang mengutuk Pakatan Harapan (PH) dan memanggil saya gelaran yang tidak elok, dan semua itu.

"Mereka ini kami tidak terima. Bukan hanya terus masuk Bersatu," katanya dalam temu bual dengan organisasi media terpilih di pejabatnya di sini.

UMNO mengalami krisis apabila beberapa pemimpin termasuk wakil rakyatnya, mengumumkan keluar parti untuk menjadi anggota Bebas, manakala ada antara mereka yang bakal menyertai parti komponen PH.

Dr. Mahathir berkata, ada antara pemimpin UMNO telah bertemunya dan berjanji ingin menyertai Bersatu tetapi mere-



DR. MAHATHIR MOHAMAD

ka tidak akan cuba mendapatkan apa-apa kedudukan dalam parti atau menjadi calon untuk pilihan raya akan datang.

"Kami memberitahu mereka, untuk menyertai Bersatu, ada syarat-syaratnya. Yang pertama, mesti meninggalkan UMNO dan menjadi anggota Bebas untuk seketika, dan semasa tempoh itu, anda mesti menunjukkan bahawa anda menyokong kerajaan PH kemudian anda boleh memohon, atau anda boleh memohon lebih awal, tetapi permohonan itu akan dipertimbangkan selepas kami melihat tingkah laku anda," katanya.

Perdana Menteri berkata, pada pilihan raya umum yang lalu, banyak orang Melayu menyokong UMNO kerana parti itu masih popular di kaca mata kebanyakan orang Melayu.

"Orang Melayu ini mesti dibawa keluar kerana apabila mereka menyokong Bersatu, Bersatu akan kuat dan PH juga menjadi kuat. Jadi, ini kedudu-

kan kami. Mereka (anggota Parlimen dan pemimpin UMNO) boleh masuk sebagai anggota, mereka mempunyai pengikut," ujarnya.

Ditanya sama ada anggota PH yang lain menyuarakan kebimbangan mereka terhadap perkara itu, Dr. Mahathir berkata: "Ya, mereka bimbang".

"(Tetapi) kami juga mengambil berat (perkara itu). Kami tidak mahu memberi gambaran bahawa UMNO mengambil alih Bersatu atau parti lain dalam PH. Kami sangat serius dalam meneliti orang-orang ini. Mereka ingin masuk. Saya rasa di kampung-kampung mereka masih berpengaruh. Jika kami menolak mereka, mungkin kami menolak pengundi. Mereka boleh membawa masuk beberapa pengundi. Ini akan menguatkan Bersatu dan PH juga," katanya.

Mengenai persepsi bahawa menerima penyertaan bekas anggota Parlimen UMNO adalah sebahagian daripada strategi PH untuk mendapatkan majoriti dua pertiga di Parlimen, Perdana Menteri berkata, secara peribadi, beliau tidak suka kerajaan dengan majoriti dua pertiga.

"Saya mahukan pembangkang yang kuat. Tetapi apa yang anda lihat pembangkang kini benar-benar hancur. MIC tidak berfungsi, MCA tidak berfungsi. Di Sabah mereka tidak berfungsi.

Keseluruhan UMNO telah berpecah kepada banyak bahagian...ada yang ingin kekal dalam UMNO, ada yang ingin keluar. Ada juga yang tidak ingin berpolitik lagi," katanya. - BER-NAMA